

# Tengku Zafrul ajak jumpa: Dr Mahathir

BH - 11/7/2021 m/s: 15

## Tun dipelawa kongsi idea dalam laksana Pelan Pemulihan Negara

Oleh Hamzah Osman  
bhnews@bh.com.my

**Langkawi:** Tun Dr Mahathir Mohamad mengesahkan dipelawa berkongsi idea bersama kerajaan dalam pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Bekas Perdana Menteri itu berkata, pelawaan itu diterima daripada Menteri Kewangan yang juga Menteri Penyelaras PPN, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, semalam.

Bagaimanapun, beliau yang juga Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) belum membuat sebarang keputusan mengenai jemputan bagi perkongsian

idea itu.

“Tak pasti sama ada Menteri Kewangan (Tengku Zafrul) mempunyai idea bagaimana nak kurangkan kes COVID-19, tetapi dia minta nak jumpa dengan saya.

“Permintaan itu dibuat pagi ini (semalam),” katanya pada sidang media selepas meninjau Pusat Pemberian Vaksin di Dewan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) Kampung Teluk Berembang, Pulau Tuba, di sini, semalam.

Terdahulu, beliau yang juga Ahli Parlimen Langkawi menin-

jau proses suntikan dos kedua vaksin COVID-19 kepada 204 warga emas dan berisiko di pulau itu.

Dr Mahathir berkata, beliau belum menentukan tarikh pertemuan itu dipercayai berkaitan meminta pandangan bagi pelaksanaan PPN.

“Saya belum tentukan (tarikh

perjumpaan) lagi,” katanya.


Sementara itu, ketika meninjau proses vaksinasi di dewan itu, Dr Mahathir sempat beramah mesra bersama penduduk yang kebanyakannya adalah nelayan pesisir.

Kelmarin, jemaah menteri bersetuju melantik Tengku Zafrul sebagai Menteri Penyelaras PPN.

Dalam satu kenyataan, Pejabat Perdana Menteri memaklumkan Tengku Zafrul bertanggungjawab memantau pelaksanaan strategi dan bantuan, selain mengambil langkah intervensi proaktif

serta bersesuaian dengan situasi pandemik yang sangat dinamik.

Dr Mahathir sebelum ini mencadangkan penubuhan Majlis Pemulihan Negara bagi menyelesaikan isu ekonomi, politik, sosial dan kesihatan yang dihadapi negara susulan kesan penularan pandemik COVID-19.



Dr Mahathir Mohamad